



12/2024

KENYATAAN MEDIA MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

KUSKOP ALU-ALUKAN HASRAT PERUSAHAAN BESAR BANGUNKAN PMKS SEBAGAI VENDOR DAN FRANCAISI

REMBAU, 2 April 2024 - Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) mengalu-alukan hasrat perusahaan-perusahaan besar mengembangkan perniagaan mereka dengan turut sama membangunkan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

Menterinya Datuk Ewon Benedick berkata, ini bagi membantu kerajaan membangunkan komuniti PMKS dan koperasi menjadi usahawan vendor atau usahawan francais.

“Hari ini saya memenuhi undangan melawat kilang perusahaan Worldsign Industries di Rembau, Negeri Sembilan. Kumpulan syarikat ini memiliki rangkaian bekalan daripada ladang ternakan ayam, kilang pemprosesan, rangkaian logistik dan kedai pengguna serta pelbagai rakan strategik.

“Jenama syarikat ini yang dikenali ramai di Semenanjung adalah produk ayam mentah HyFresh dan rangkaian kedai pengguna ABT Fresh dan Frozen Food Supply.

“Oleh itu, saya menyokong hasrat syarikat ini mengembangkan rangkaian bekalan dan rakan strategik ke Sabah dan Sarawak,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan lawatan ke Kilang Perusahaan WorldSign Industries, di sini, hari ini.

Turut serta dalam kunjungan itu, pengurusan tertinggi Bank Rakyat, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Bahagian Francais dan Pembangunan Vendor, KUSKOP.

Ewon turut mengalu-alukan hasrat syarikat itu bekerjasama dengan Kerajaan Negeri serta ladang kontrak dengan koperasi dan individu di Sabah.

“Berdasarkan taklimat yang diberikan, syarikat ini sudah mempunyai rangkaian yang luas di Semenanjung dan saya berharap agensi-agensi kementerian dapat membantu menyediakan perkhidmatan yang diperlukan untuk merealisasikan hasrat syarikat ini mengembangkan rangkaian perniagaan mereka.

“Syarikat ini juga berminat mendaftarkan jenama rangkaian kedai mereka untuk francais, sekali gus membuka peluang kepada usahawan francais di seluruh negara,” katanya.

Ewon dan rombongan diberikan taklimat korporat mengenai syarikat WorldSign Industries dan kemudiannya dibawa meninjau pusat pemprosesan, pembungkusan dan penyejukan ayam.

Taklimat disampaikan oleh Pengarah Urusan WorldSign Industries Paul Khoo.

EWON BENEDICK
2 APRIL 2024